

SIARAN AKHBAR**Untuk siaran segera****Gibraltar BSN Melancarkan Kempen Untuk Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Mengenai Perlindungan Insurans**

Kuala Lumpur, 9 Julai 2020 – Gibraltar BSN Life Berhad (“Gibraltar BSN”), salah sebuah syarikat insurans hayat yang berkembang pesat di Malaysia, baru-baru ini melancarkan kempen penjenamaan terbarunya bertajuk “With You Every Step of The Way” di stesen (“Stesen”) LRT Abdullah Hukum untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai manfaat perlindungan dan memacu penembusan perlindungan insurans hayat di Malaysia.

Stesen LRT Abdullah Hukum merupakan hab transit bagi 130,000¹ pengulang-alik bulanan yang berkerja di KL Eco City, The Gardens dan Mid-Valley. Stesen ini juga merupakan gerbang kepada ibu pejabat Gibraltar BSN yang terletak di KL Eco City.

Berlatar belakangkan penularan wabak COVID-19 baru-baru ini dan keresahan ekonomi di kalangan rakyat Malaysia, kempen Gibraltar BSN ini bertumpu kepada penggalakkan kesedaran orang ramai terhadap kesihatan dan perlindungan. Hiasan-hiasan di Stesen diolah khas bagi mendorong penumpang mempertimbangkan keperluan perlindungan yang berbeza-beza untuk setiap peringkat hidup mereka. Kelompok sasaran paparan visual ini adalah demografi penumpang berumur 25-45 tahun dengan pendapatan isi rumah bulanan sekitar RM3000 dan ke atas.

Rangam Bir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Gibraltar BSN Life Berhad berkata, “Pandemik COVID-19 baru-baru ini telah membuka mata kepada kepentingan persiapan bagi melindungi keluarga daripada beban kewangan berpunca akibat kejadian di luar jangkaan. Sebagai Juara Perlindungan Komuniti Malaysia, kami prihatin bahawa hanya tiga daripada sepuluh rakyat Malaysia memiliki perlindungan insurans hayat. Pesanan kami dengan kempen baharu ini ialah keperluan perlindungan anda dan keluarga anda adalah mustahak, terutamanya pada masa sebegini. Kedudukan Stesen LRT Abdullah Hukum sebagai hab tumpuan menjadikannya platform terbaik bagi

¹ Rata-rata penumpang bulanan dari Januari-Disember 2019, Rapid KL

menyampaikan mesej ini kepada khalayak ramai serta mengukuhkan janji kami untuk sentiasa berada di sisi pelanggan kami."

Untuk memastikan pelanggan mereka terus menikmati perlindungan sepanjang wabak COVID-19, Gibraltar BSN telah melancarkan Program Bantuan Pelanggan pada bulan Mac 2020. Di bawah program tersebut, pelanggan yang layak boleh memilih untuk menangguh bayaran premium mereka selama tiga bulan. Program ini juga merangkumi peluasan liputan perlindungan COVID-19 untuk beberapa pelan insuran Gibraltar BSN. **Rangam terus menambah**, "Sementara negara mengorak jalan pemulihan daripada kesan wabak ini, kami memutuskan untuk melanjutkan Program Bantuan sehingga 31 Disember 2020. Baru-baru ini, kami turut melancarkan siri Webinar Kesihatan bulanan percuma bagi membantu pelanggan kami melalui masa sukar ini kerana kesejahteraan fizikal dan mental mereka adalah keutamaan kami semua di Gibraltar BSN". Webinar pertama membantu pelanggan mempelajari teknik menguruskan tekanan sementara webinar akan datang pada 25 Julai, 'Market Outlook: Navigating the COVID-19 Storm' akan membantu pelanggan mengenal pasti cabaran dan peluang pasaran dalam beberapa bulan mendatang. Siri webinar ini akan berterusan sehingga akhir tahun. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai siri webinar percuma Gibraltar BSN, sila layari laman Facebook mereka (facebook.com/gibraltarsbn).


Untuk meraikan perasmian aset penjenamaan baru Gibraltar BSN di Stesen LRT Abdullah Hukum, syarikat juga telah melancarkan kempen khas 'With You Every Step of The Way' di Facebook (facebook.com/gibraltarsbn) di mana seramai 40 peminat bertuah akan memenangi Kredit GrabFood RM20 setiap seorang. Kempen ini akan berakhir pada 28 Julai 2020.



Pic 1: Gibraltar BSN mencabar anda agar tidak gentar dan terus mara dengan jaminan perlindungan.

Dari kiri ke kanan:

- Susan Ong – Ketua Pegawai Pemasaran
- Rangam Bir – Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



Pic 2: Detik penting kehidupan dipaparkan di tangga gerak.

– AKHIR –

Unuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:

Sharie Elina Ibrahim
Ketua, Komunikasi Korporat
Tel : (03) 2298 2038
Emel : sharie.ibrahim@gibraltarbsn.com

Brandon Luke Valladares
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat
Tel : (03) 2298 2039
Emel : brandon.valladares@gibraltarbsn.com

Mengenai Gibraltar BSN Life Berhad

Gibraltar BSN Life Berhad ("Gibraltar BSN") adalah salah sebuah syarikat insurans hayat yang berkembang pesat di Malaysia. Selama lebih dari 60 tahun, kami telah melindungi impian dengan menyediakan penyelesaian perlindungan yang relevan dan berpatutan yang boleh diakses oleh rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat.

Nama Gibraltar BSN mewakili susur galur keturunan kami kepada Prudential Financial, Inc. (PFI), salah sebuah institusi kewangan terbesar dunia dari Amerika Syarikat dan Bank Simpanan Nasional (BSN), sebuah jenama dengan sejarahnya tersendiri dan warisan kewangan yang kukuh di Malaysia. Nama 'Gibraltar' dan logo ikon kami 'Rock of Gibraltar' merujuk kepada PFI dan menggambarkan sejarah yang kaya dan kewangan yang kukuh selama lebih dari 140 tahun di belakang jenama PFI.

Sebagai Juara Perlindungan Komuniti di Malaysia, Gibraltar BSN mempunyai rangkaian pengedaran yang luas dan pelbagai yang terdiri daripada 9 lokasi di seluruh negara, pasukan agensi nasional,



Gibraltar BSN

dan lebih daripada 1,100 cawangan milik rakan-rakan strategik kami: Bank Simpanan Nasional dan Pos Malaysia.

*PFI Amerika Syarikat tidak berhubung kait dengan Prudential plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom.